

6H5M

AMAZING 3 CITIES: CHENGDU + JIUZHAIGOU + CHONGQING



JIUZHAIGOU VALLEY SCENIC SEBUAH RIZAB ALAM YANG TERKENAL TERLETAK DI WILAYAH SICHUAN, DENGAN KEINDAHAN ALAM SEMULA JADI MEMUKAU, MENAMPILKAN TASIK-TASIK YANG JERNIH, AIR TERJUN YANG BERWARNA-WARNI, PUNCAK GUNUNG BERSALJI, DAN HUTAN YANG SUBUR.

6H5M

AMAZING 3 CITIES: CHENGDU + JIUZHAIGOU + CHONGQING



HARI 01 KUALA LUMPUR - CHENGDU

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Chengdu.
Bermalam di **Chengdu**.

HARI 02 CHENGDU - JIUZHAIGOU (BULLET TRAIN)

SP/MT/MM

Lawatan di **Chengdu**:

- **People Park**, sebuah taman yang menjadi lokasi ideal untuk bersiar-siar, menikmati sarapan pagi sambil berpeluang berinteraksi dengan masyarakat tempatan.
- Melawat **Wide and Narrow Alley** yang menawarkan pengalaman unik dengan bangunan tradisional, kedai-kedai, restoran, dan kafe. Kawasan ini terkenal dengan kraftangan Sichuan, menikmati makanan tempatan, dan merasai budaya Chengdu.
- **Huangcheng Mosque**, sebuah masjid bersejarah yang menjadi tempat ibadah komuniti Muslim tempatan di kawasan Sichuan. Ia juga merupakan simbol keharmonian pelbagai etnik di Sichuan.
- Singgah bergambar di **Songpan Ancient Town (photostop)**, sebuah bandar lama bersejarah yang masih mengekalkan seni bina tradisional China. Nikmati pemandangan dinding kota lama, jalan batu dan suasana klasik yang masih terpelihara

Bermalam di **Jiuzhaigou**.

HARI 03 JIUZHAIGOU

SP/MT/MM

Lawatan di **Jiuzhaigou**:

- Bersiar-siar di **Jiuzhaigou Valley Scenic** (termasuk sightseeing bus) yang merupakan sebuah rizab alam yang terkenal terletak di Wilayah Sichuan, dengan keindahan alam semula jadi yang memukau, menampilkan tasik-tasik yang jernih, air terjun yang berwarna-warni, puncak gunung bersalji, dan hutan yang subur. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian seperti di Shuzheng Valley terdapat Nuorilang Waterfall dan Shuzeng Lakes, Rize Valley dimana Mirror Lake, Pearl Waterfall dan Five Flower Lake berada dan Zechawa Valley, pelancong dapat menyaksikan Long Lake, Colorful Pool dan Seasons Lake. Ia juga tersenarai sebagai Unesco World Heritage Site.

Optional Tour: Thousands of Years of Romance Love Show (RMB 300/pax)

Bermalam di **Jiuzhaigou**.

HARI 04 JIUZHAIGOU - CHENGDU (BULLET TRAIN)

SP/MT/MM

Lawatan di **Chengdu**:

- Berpeluang solat di **Huangcheng Mosque** yang membolehkan pelancong melihat seni bina Islam tradisional yang unik dengan pengaruh budaya Cina. Di sini, pelancong boleh menikmati keindahan reka bentuk masjid, merasai suasana tenang kawasan ibadah, serta mengetahui sejarah perkembangan Islam di Chengdu.

- **Chengdu Lotus Pond Market**, merupakan kawasan pasar borong terbesar di barat daya China. Tempat ini menawarkan pelbagai jenis barangan seperti pakaian, kasut, beg, aksesori, barangan rumah, permainan dan cenderamata.
- **Chunxi Road** ialah kawasan shopping street paling popular dan meriah pada malam hari di Chengdu. Ia dipenuhi dengan pusat beli-belah, kedai berjenama antarabangsa, restoran, dan street food dan Simbol ikonik patung panda "climbing wall" bangunan IFS.

Bermalam di **Chengdu**.

HARI 05 CHENGDU - CHONGQING (BULLET TRAIN)

SP/MT/MM

Lawatan di **Chongqing**:

- **Chongqing Shibati**, sebuah kawasan yang terkenal dengan kafe, restoran, pameran budaya dan kedai cenderamata, membolehkan pengunjung menikmati suasana Chongqing lama yang dipadankan dengan kehidupan bandar moden.
- Melawat **Chongqing International Small Commodity Wholesale Center** yang merupakan mercu tanda moden yang menawarkan pusat beli-belah, makanan, hiburan, hotel dan ruang kebudayaan. Ia merupakan tempat popular untuk pengunjung yang ingin merasai pengalaman membeli-belah tempatan.
- Melawat **Hongya Cave** yang merupakan salah satu tarikan paling terkenal di Chongqing, terkenal dengan bangunan tradisional bertingkat di lereng bukit (diaojiaolou). Bangunan ini dihiasi dengan lampu berwarna-warni yang menghasilkan pemandangan indah.

Optional Tour: Two Rivers Night Cruise (RMB 220/pax)

Bermalam di **Chongqing**.

HARI 06 CHONGQING - KUALA LUMPUR

SP/MT

Lawatan di **Chongqing**:

- Melawat **Panda House at Chongqing Zoo** pusat pemuliharaan panda gergasi yang terkenal di Chengdu, China. Di sini, pelancong boleh melihat panda gergasi dan panda merah dalam habitat semula jadi yang direka khas. Pemandangannya indah dengan taman hijau, tasik kecil, dan suasana yang tenang.
- Berpeluang solat di **Chongqing Mosque** yang membolehkan pelancong melihat seni bina Islam tradisional yang unik dengan mencerminkan pertemuan budaya Islam dan warisan tempatan dalam suasana bandar metropolitan Chongqing. Di sini, pelancong boleh menikmati keindahan reka bentuk masjid, merasai suasana tenang kawasan ibadah, serta mengetahui sejarah perkembangan Islam di Chengdu.
- Melawat **Liziba Monorail Through-Building Viewing Platform** di mana tren melalui tingkat 6 hingga 8 sebuah bangunan kediaman, menjadikannya salah satu tarikan paling ikonik di bandar Chongqing.

Penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.

MENAIKI BULLET TRAIN 3 KALI

Pelancong boleh merasai pengalaman dengan menaiki sebanyak 3 kali bullet tren apabila melawat ke destinasi yang seterusnya.

2.

PANDA HOUSE DI CHONGQING ZOO

Pusat pemuliharaan panda gergasi yang terkenal di Chengdu, China. Pelancong boleh melihat panda gergasi dan panda merah dalam habitat semula jadi yang direka khas.

3.

CHENGDU LOTUS POND MARKET

Kawasan pasar borong terbesar di barat daya China. Tempat ini menawarkan pelbagai jenis barangan seperti pakaian, kasut, beg, aksesori, barangan rumah, permainan dan cenderamata.

4.

JIUZHAGOU VALLEY SCENIC

Sebuah rizab alam yang terkenal terletak di Wilayah Sichuan, dengan keindahan alam semula jadi memukau, menampilkan tasik-tasik yang jernih, air terjun yang berwarna-warni, puncak gunung bersalji, dan hutan yang subur.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Chengdu	2 Mlm
Jiuzhaigou	2 Mlm
Chongqing	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	3U 3996	KUL - TFU	1520	2005
6	3U 3773	CKG - KUL	1855	2340

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Termasuk dengan tiket lawatan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.